

KERATAN AKHBAR

AKHBAR	: SINAR HARIAN		
TARIKH	: 5/4/2017	MUKA SURAT	: 52
JABATAN	: PERHILITAN		
KLASIFIKASI	: PERHATIAN		

Bangkai tapir dilapah

Perhilitan larang orang awam ambil bahagian haiwan dilindungi itu

AZURA MOHAMMAD

KUALA KRAI - Seekor tapir ditemui mati di tepi jalan berhampiran Simpang Slow Temiang, Ahad lalu.

Haiwan dilindungi Jabatan Perhilitan itu ditemui penduduk yang kebetulan melalui kawasan kejadian.

Rosdi Yusof dari Bukit Abu berkata, dia menemui bangkai tapir itu terbaring di tepi jalan.

Menurutnya, dia sempat berhenti melihat haiwan berkenaan seketika.

"Waktu itu dah mati, tapi tak diusik lagi.

"Masa pulang waktu petang, saya dapat kulitnya dah dilapah, muncungunya juga dipotong," katanya.

Katanya, sebelum kejadian dia pernah melihat haiwan tersebut beberapa kali melintas jalan di lokasi kejadian.

Sementara itu, Pengarah Perhilitan Kelantan, Mohd Hasdi Husin berkata, kes



Bangkai tapir di lapah dengan kejam oleh pihak tidak bertanggungjawab.

terbabit merupakan yang pertama berlaku di Kuala Krai.

Menurutnya, pihaknya menerima maklumat daripada Ibu Pejabat Perhilitan Daerah Kuala Krai

kira-kira jam 12.35 tengah hari berhubung penemuan haiwan itu.

"Haiwan tersebut dipercayai mati setelah dilanggar kenderaan melalui kawasan tersebut.

"Jam 2 petang, empat kakitangan Perhilitan Kuala Krai ke lokasi kejadian, ketika sampai didapati kulit tapir telah dilapah dan muncungunya juga dipotong.

"Ketika itu, tidak ada kelibat orang awam di lokasi kejadian," katanya.

Mohd Hasdi berkata, anggota badan tapir tidak boleh diambil sesuka hati orang awam walaupun ditemui di mana-mana sahaja.

"Adalah menjadi kesalahannya di bawah Seksyen 68 Akta 716 Pemuliharaan Hidupan Liar. Justeru, saya menasihati orang awam yang menjumpai tapir dilanggar supaya tidak mengambil terbitan atau bahagian 'karkas' tapir tersebut,"

katanya.

Tambahnya, orang ramai yang menemui haiwan terbabit boleh hubungi Jabatan Perhilitan Jajahan berhampiran atau ibu pejabat Perhilitan Negeri di talian

09-7416240.

10 nelayan Vietnam ditahan

PASIR PUTEH - Agensi Pengkuatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) Kelantan berjaya menahan dua lagi bot nelayan asing yang menceroboh perairan negara untuk menangkap gamat.

Timbalan Pengarah Operasi Maritim Kelantan, Komander Maritim Ismail Hamzah berkata, kedua-dua bot itu dikesan petang kelmarin, di Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Wilayah Timur menerusi Ops Perkesa Timur.

Katanya, bot pertama dengan empat nelayan ditangkap jam 2.30 petang kelmarin pada kedudukan 53.8 batu nautika dari Kuala Tok Bali manakala bot kedua dengan enam nelayan dikesan tidak lama selepas itu di kedudukan 53 batu nautika dari Tok Bali.

"Pemeriksaan mendapati kesemua nelayan berusia antara 28 hingga 66 tahun itu merupakan warga Vietnam, mereka tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan diri yang sah.

"Dari kedua-dua bot itu, kita menemui hidupan laut, gamat kira-kira 350 kilogram dan diesel sebanyak kira-kira 650 liter," katanya.

Nilai rampasan

dianggarkan RM11 juta tidak termasuk gamat yang lazimnya dijual pada harga RM6 sekilogram dan diesel yang bernilai dari RM1.20 seliter."

- Maritim

Menurutnya, nilai rampasan dianggarkan RM1 juta tidak termasuk gamat yang lazimnya dijual pada harga RM6 sekilogram dan diesel bernilai dari RM1.20 seliter.

"Berdasarkan kekerapan kes nelayan Vietnam menangkap gamat di perairan kita menjelaskan permintaan hidupan itu terlalu tinggi di negara terbabit.

"Mungkin gamat semakin pupus di negara mereka yang menyebabkan nelayan mereka beralih ke perairan negara untuk menangkapnya, mereka sanggup langgar peraturan negara lain," katanya.

